



BAHAGIAN ISTIADAT DAN URUSETIA PERSIDANGAN ANTARABANGSA JABATAN PERDANA MENTERI

Sistem Semakan Penerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan dan Negeri di Laman Web Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa, Jabatan Perdana Menteri

Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa, Jabatan Perdana Menteri (BIUPA, JPM) tidak pernah melantik mana-mana individu atau pun pihak ketiga bagi urusan pencalonan dan pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat (DKBP) Persekutuan. Ini termasuklah urusan mengemas kini senarai penerima Darjah-Darjah Kebesaran Persekutuan dan Negeri dalam sistem semakan di laman web BIUPA.

Senarai penerima Darjah Kebesaran Persekutuan dan Negeri di laman web Jabatan ini adalah seperti mana yang telah diwartakan di peringkat Persekutuan dan Negeri masing-masing. Hanya senarai nama yang telah diwartakan dan dibekalkan oleh pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri sahaja dimuat naik ke sistem semakan tersebut. Di samping itu, urusan pencalonan dan pengurniaan DKBP peringkat Negeri diurusetiaikan sepenuhnya oleh pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri masing-masing.

Justeru, orang ramai dinasihatkan supaya tidak berurusan dengan mana-mana individu yang menyatakan diri sebagai wakil mana-mana Jabatan Kerajaan untuk sebarang urusan berkaitan DKBP Persekutuan dan Negeri. Sebagai langkah pencegahan, Kerajaan telah menguatkuasakan Akta Kesalahan Yang Berhubungan Dengan Anugerah 2017 [Akta 787] bermula 25 Oktober 2017 bagi membendung pelbagai bentuk kesalahan terutamanya penipuan serta penyalahgunaan pengurniaan DKBP di negara ini.